



**MUKADIMAH**

**YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN**

**SESI MUZAKARAH KALI KE-2**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA**

**BERSAMA**

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN)**

**PADA**

**HARI SABTU, 6 JAMADILAWAL 1440H BERSAMAAN 12 JANUARI 2019**

**BERTEMPAT**

**BILIK PERSIDANGAN SIPUGUT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahirabbil Alamiin, Wassalatuwassala muala asrafil anbia hiwalmursalin, wa'ala alihi wasahbihhi ajmain..

Yang Mulia Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Moshin, Timbalan Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim,

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang kaola/saya dihormati.

Yang Mulia Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengarah-Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pembangunan.

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera, selamat pagi.

Terlebih dahulu, kaola/saya sukacita mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ke Kementerian Pembangunan pada pagi ini dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih diatas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat berdua menerima undangan kami untuk hadir ke sini bagi meneruskan sesi permuzakarahan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diadakan pada 1hb Oktober 2018 yang lalu.

Permuzakarahan kita pada kali ini adalah untuk memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pembangunan ini untuk mendengar apa-apa jua permasalahan atau persoalan dari Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat berdua yang belum berkesempatan bermuzakarah bersama Kementerian ini.

Semua yang kita lakukan ini adalah semata-mata bagi kebaikan kedua-dua pihak dan bagi menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahukan semua pihak bekerjasama dalam menanai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Ini adalah tanggungjawab dan kewajipan kita bersama dan Baginda tanpa jemu-jemu, mengajak semua pihak untuk tidak berlengah-lengah lagi menunaikan kewajipan yang telah diamanahkan.

Seperti yang kita maklumi bahawa Kementerian Pembangunan merupakan peneraju dan dipertanggungjawabkan bagi sektor-sektor yang berkaitan dengan perancangan guna tanah (land use planning), penyediaan infrastruktur dan alam sekitar, disamping memelihara dan mengurus fizikal dan asset-aset kerajaan yang ada. Semua ini adalah selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu bagi menjana kualiti kehidupan yang tinggi (high quality living). Didalam melaksanakan semua ini, kita menghadapi banyak cabaran termasuklah implikasi isu-isu global masa kita, isu-isu kewangan, ekonomi yang tidak menentu, harga minyak mentah, perubahan iklim dan isu-isu tempatan seperti pencemaran alam sekitar, sampah-sarap yang dibuang dimerata tempat, kerosakan harta-harta kerajaan, *'aging infrastructure'*, kekurangan *'resources'*, isu-isu pengganguran, dan bermacam-macam lagi. Oleh itu, adalah perlu bagi Kementerian ini menyediakan strategi-strategi baru dan plan-plan tindakan yang akan memberikan kesan atau impak bukan saja untuk masa ini tetapi juga untuk jangka masa yang panjang. Izinkan kaola/saya mengongsikan beberapa inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan di Kementerian ini seperti berikut:-

## **1. BUKU KERANGKA DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK 2018-2023**

Di antara usaha Kementerian ini ke arah mendokong Visi Kementerian dan seterusnya menuju mencapai hala tuju Wawasan Brunei 2035, dua buah buku iaitu "Buku Kerangka Dasar Kementerian Pembangunan 2018-2023" dan "Buku Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023" telah dilancarkan pada bulan Jun 2018. Buku-

buku ini menggariskan bidang-bidang utama yang dijadikan tindakan-tindakan '*priority*' serta menjadi panduan kepada pegawai-pegawai di Kementerian ini bagi pelaksanaan pelan perancangan keseluruhan dan peranan yang harus dimainkan selaras dengan hala tuju Kementerian Pembangunan dalam masa 5 tahun ke hadapan nanti.

Isi kandungan mengenai buku-buku tersebut akan ditaklimatkan nanti oleh Yang Mulia, Dayang Dr. Nor Intihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan.

Sebagai kesinambungan ke arah memperkukuhkan kefahaman dua buah buku ini, pihak Kementerian Pembangunan telahpun memberigakan kedua-dua buku ini kepada semua Jabatan-Jabatan serta Divisyen di bawah Kementerian Pembangunan dan termasuklah kepada pihak berkepentingan iaitu Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA (B)).

## **2. TARIF AIR dan Smart Meter PraBayar Meter Air**

Rancangan bagi me'*review*' tarif air yang ada dengan tujuan untuk mengurangkan pembaziran penggunaan air dengan pengenalan tarif baru yang lebih berpatutan tanpa menjejaskan pihak yang kurang mampu serta meningkatkan perkhidmatan bil air dan maklumat penggunaan air melalui cadangan pemasangan smart meter yang berkonsepkan prabayar telah disembang-maklumkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Alhamdulillah setelah beberapa penjelasan telah mendapat perkenan untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini, 2019. Satu '*road show*' untuk menerangkan kepada orang ramai juga telah dirancang dalam sedikit masa lagi .

## **3. ABCi dan Jabatan Kemajuan Perumahan SEBAGAI BADAN BERKANUN**

Divisyen Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) dan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk dijadikan Badan Berkanun ('*Statutory Board*') telah juga mendapat limpah perkenan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semua pendekatan-pendekatan baru dan perubahan-perubahan ini sedang dalam pelaksanaan yang bertujuan bagi memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran jentera Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

#### **4. PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP**

Sepertimana yang terkandung di dalam “Buku Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan” konsep *Private Public Partnership (PPP)* adalah menjadi satu keutamaan di Kementerian ini kerana ianya adalah satu kaedah yang dapat diguna pakai dalam pelaksanaan projek-projek disamping membukakan peluang penglibatan golongan peniaga, pengusaha tempatan, terutama Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana.

Perlaksanaan bagi pengendalian projek Skim Perumahan Negara RPN melalui keadah *Private Public Partnership (PPP)* dan konsep ‘*commercialisation*’ bagi mendukung kegiatan sosio ekonomi negara sedang giat diusahakan pada masa ini bersama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk direalisasikan pada Tahun ini, InsyaAllah.

#### **5. ISU ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN SAMPAH**

Dalam mendokong usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan, usaha bersepadu dari Jawatankuasa Induk Kebersihan yang melibatkan tiga Kementerian (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan) tetap diteruskan, bagi memberikan kesedaran dan perubahan amalan kebersihan melalui aktiviti yang dijalankan secara *holistik* telah memberi kesan yang positif kepada persekitaran dan semua lapisan masyarakat.

Ke arah memastikan alam sekitar yang hijau dan mampan, pihak Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah pun merealisasikan ‘Setiap Hari Tanpa Beg Plastik’ bermula 1 Januari 2019 yang lalu. Di samping itu, dengan adanya inisiatif sebegini di tambah lagi dengan amalan 3R iaitu ‘*Reduce, Reuse and Recycle*’, kadar

pengeluaran sampah seorang dapat dikurangkan daripada 1.4kg ke 1.3kg, manakala kadar kitar semula di Negara Brunei Darussalam telah meningkat pada kadar 23% pada tahun lalu, 2018 dan melebihi target kebangsaan iaitu 15% pada tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Dikesempatan ini jua, kaola/saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar akan diserapkan ke Kementerian Tenaga dan Perindustrian (dibawah SHENA) seperti yang dipersetujui semasa perbincangan diantara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Tenaga dan Perindustrian pada 15 November 2018 yang lalu. Proses penyerahan tugas dan tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar, kepada '*Safety, Health and Environment National Authority (SHENA)*' akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan penyerahan bahagian penguatkuasaan Undang-Undang '*Environmental Protection and Management Order 2016*' termasuk 5 orang pegawai yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dibawah Bahagian Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar dan Bahagian Pencemaran Alam Sekitar bermula pada bulan Januari ini sehingga bulan Mac 2019.

Walaupun bagaimanapun bidang tugas Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Pengurusan sisa buangan dan Bahagian Taman dan Rekreasi akan masih dikendalikan dibawah Kementerian Pembangunan sehingga suatu tempoh bidang tugas tersebut diambil alih oleh Kementerian Tenaga dan Perindustrian.

## **6. PERLAKSANAAN PROJEK Jambatan Penghubung Daerah B/M & Temburong**

Potentasi untuk mengembangkan dan memajukan Daerah Temburong bagi meningkatkan pertumbuhan Ekonomi Negara memang tidak dapat dinafikan lagi apabila Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Temburong siap pada akhir tahun ini. Ke arah itu, sebuah Autoriti yang diberi nama '*Autoriti Kemajuan Daerah Temburong*' telah dibentuk yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan

Ekonomi ke-dua dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta ahli-ahlinya yang terdiri dari beberapa orang Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Autoriti ini akan membuat dasar-dasar Kemajuan Daerah Temburong serta membantu untuk merealisasikan matlamat-matlamat dan hala tuju kemajuan Daerah Temburong dengan mengambil kira keutamaan yang terdapat di Daerah tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengongsikan perkembangan terkini projek tersebut. Pembinaan Jambatan Temburong dua lorong dua hala sepanjang 26km sedang giat dalam pelaksanaan dengan peratus perkembangan keseluruhannya kira-kira 74.35% dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2019. Pada masa ini, status kemajuan pembinaan Jambatan marin nampak begitu ketara dengan pemasangan '*box girder*' bagi pembinaan '*deck superstructure*' dan sejumlah lebih kurang 12.3km '*deck superstructure*' telah siap dibina. Manakala pembinaan dua buah jambatan berasingan jenis '*Cable Stay*' merentasi laluan perkapalan Brunei dan Timur sedang giat dalam pelaksanaan yang mana kerja-kerja pemasangan kabel penahan beserta deck sedang berjalan dengan lancar. Seperti sedia maklum pembinaan sebahagian Jambatan yang merentasi hutan paya bakau sepanjang 11.8km di Daerah Temburong juga menampakkan kemajuan yang ketara dengan penyiapan '*deck superstructure*' sepanjang lebih kurang 5km.

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Keperluan peralihan paradigma ataupun '*Paradigm Shift*' dalam menangani isu-isu yang seringkali dibangkitkan adalah penting dan kita seharusnya memfokuskan lebih kepada isu-isu strategik daripada isu-isu yang kurang signifikan agar impaknya dapat diserapkan secara menyeluruh dan kita dapat bergerak sehaluan dalam memenuhi keperluan dan mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara ini.

Ketua-Ketua Jabatan serta Divisyen di bawah Kementerian Pembangunan dan semua kakitangan di Kementerian ini juga diseru untuk senantiasa berkerjasama secara strategik

dan berterusan dengan orang ramai dalam mengenalpasti jurang ataupun 'gaps' dari segi dasar dan program yang kritikal untuk menyokong kesepaduan, pensejajaran serta kerjasama yang erat ('*whole of nation approach*') yang akan membawa kita selangkah lebih dekat lagi dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, In Shaa Allah.

Sekian sahaja mukaddimah kaola/saya dalam mengongsikan beberapa usaha-usaha ke arah pembaikan yang dilaksanakan di Kementerian ini.

Sekian Wabilahitaufik walhidayah, wasalamualaikum warahmatullah hirwabarakatuh